

Pertemuan Anwar, Azmin redakan 'ribut dalam cawan'



Sekeping gambar yang dikongsi Presiden PKR, Datuk Seri Anwar Ibrahim melalui laman sosial twitter tengah hari kelmarin pasti melegakan banyak pihak yang sebelum ini tertanya-tanya mengenai hubungan dingin beliau dengan timbalannya, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali.

Ramai berpandangan, gambar yang turut diulang ciap di twitter oleh Mohamed Azmin itu adalah isyarat baharu bahawa hubungan dingin kedua-dua pemimpin itu sudah berakhir. Benarkah hubungan dingin itu sudah tamat dan kemelut kepemimpinan parti itu selesai?

Berdasarkan maklum balas kedua-dua pemimpin parti itu melalui laman sosial mengenai gambar berkenaan, jelas hubungan mereka semakin baik dan keretakan yang digembar-gembur itu tidak pernah berlaku.

Sebelum ini, kedua-dua pemimpin ini berbalas kenyataan di media massa dengan masing-masing memberi 'amaran' antara satu sa-

ma lain. Kedinginan hubungan itu semakin jelas apabila Mohamed Azmin tidak hadir pada mesyuarat Biro Politik mahupun mesyuarat Majlis Pimpinan Pusat (MPP) PKR dan lebih terserlah selepas gagal hadir pada program pemukiman parti di Port Dickson Julai lalu.

Selain Mohamed Azmin, pemukiman itu juga tidak dihadiri Naib Presiden PKR, Zuraida Kamarudin dan Menteri Besar Selangor yang juga ahli MPP, Amiruddin Shari yang dikatakan berada dalam kem Menteri Hal Ehwal Ekonomi itu.

Kemuncak keretakan dikatakan selepas tersebarnya video seks dikaitkan dengan pemimpin PKR dan bekas Setiausaha Politik Anwar ditahan berhubung siasatan kes itu. Terbaru, kehadiran Mohamed Azmin di Kongres Maruah Melayu dilihat menguatkan lagi desas-desus hubungan dingin itu, apabila Anwar tidak hadir ke acara itu kerana mendakwa tidak dijemput.

Rentetan itu, seorang bekas kepimpinan PKR, Syed Husin Ali mendedahkan Mohamed Azmin sedang merancang menubuh parti baharu. Apa pun pandangan ramai, gambar yang disiarkan Anwar itu seakan sudah menjawab bahawa hubungan dingin itu

sudah tamat.

Apabila ditanya kepada Setiausaha Agung PKR, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail mengenai dakwaan wujud masalah berpuak-puak dalam parti itu, beliau menafikannya sebaliknya menyatakan perkara itu sebagai lumrah dalam parti politik kerana perbezaan pendapat pemimpin.

Mengulas lanjut pertemuan Anwar dan Mohamed Azmin, Saifuddin mengakui tiada isu parti dan politik dibincangkan sebaliknya mengenai indeks kemiskinan dan beberapa pengumuman dalam Bajet 2020.

Bagi penganalisis politik, Prof Madya Dr Awang Azman Awang Pawi, isu membabitkan kepimpinan PKR pula perlu dilihat dari segi punca awal yang membawa perselisihan berkenaan.

Ia bermula apabila bekas Naib Presiden PKR, Rafizi Ramli dilihat sebagai ahli politik masa depan dalam kepimpinan PKR gagal merebut jawatan Timbalan Presiden, tetapi dilantik semula sebagai Naib Presiden. Keadaan itu kemudian dilihat seolah-olah wujud persaingan kumpulan Presiden dan Timbalan Presiden.

Beberapa kepimpinan PKR yang berada di kem Anwar melihat pertemuan Anwar dan Mohamed Azmin bukan bermakna

perselisihan politik antara keduanya berakhir berikutan perbincangan itu tidak membabitkan isu politik.

Bagi 'penyokong kuat' Mohamed Azmin, Zuraida mengangap pertemuan itu satu yang biasa ketika persidangan Parlimen dan tidak perlu dijadikan isu.

Bagi Dr Awang Azman, kemesraan Anwar dan Azmin itu boleh diterjemahkan sebagai kematangan PKR dalam menangani isu dalaman parti.

"PKR kini menjadi parti yang

Melihat lebih jauh perkembangan terbaru hubungan Anwar dan Mohamed Azmin, ada yang berpandangan ia bakal melancarkan lagi pelan peralihan kuasa antara Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad dan Anwar.

tersusun dari segi jentera parti dan sokongan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) juga semakin ampuh selepas Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14). Krisis yang berlaku dalam PKR cuma riak kecil di dalam cawan dan boleh ditangani secara dalaman," katanya.

Melihat lebih jauh perkembangan terbaru hubungan Anwar dan Mohamed Azmin, ada yang berpandangan ia bakal melancarkan lagi pelan peralihan kuasa antara Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad dan Anwar.

Sebelum ini, ada desas-desus menyatakan wujud kumpulan yang mahu menggagalkan peralihan kuasa itu dan Mohamed Azmin dinamakan sebagai Perdana Menteri kelapan. Ironinya, keharmonian hubungan Anwar dan Mohamed Azmin berlaku ketika wujud kempen yang mahu UMNO dan PAS menyertai kerajaan Pakatan Harapan (PH) tanpa DAP dan Parti Amanah Negara (AMANAH).

Keharmonian hubungan di antara Anwar dan Mohamed Azmin dilihat akan menguatkan lagi kedudukan PKR dalam PH yang ketika ini menjadi parti yang paling banyak kerusi di Parlimen.

Penulis Khas Meja Rencana dan Politik Berita Harian